

# Tak abai kebajikan nelayan

SH 13/7/2019 m/s 55

**Kerajaan Pulau Pinang teliti cadangan tuntutan dikemukakan PenMutiar**

SYAJARATULHUDA MOHD ROSLI

GEORGETOWN



Kon Yeow (tengah) bersama Afif menunjukkan cadangan tuntutan dikemukakan PenMutiar pada sidang media semalam.

**PROJEK  
TAMBAK  
LAUT**

Kerajaan Pulau Pinang tidak akan mengabaikan dan meminggirkan kebajikan nelayan apabila projek tambakan laut di selatan Pulau Pinang (PSR) mula dilaksanakan.

Ketua Menteri, Chow Kon Yeow berkata, pihaknya akan meneliti cadangan tuntutan dikemukakan Persatuan Nelayan Pulau Pinang (PenMutiar) pada 31 Mei lalu.

Menurutnya, sejak rancangan projek tersebut, kerajaan negeri menubuhkan jawatankuasa khas

untuk menguruskan semua perkara.

“Kerajaan negeri ambil maklum protes nelayan dan badan bukan kerajaan (NGO) berdekatan bangunan Parlimen semalam (kelmarin).

“Beberapa cadangan tuntutan yang dikemukakan akan diteliti antaranya pemberian bot nelayan moden, pembelian rumah kos rendah melalui skim sewa beli

dan pembinaan jeti sementara. Tiada wang tunai dituntut dalam cadangan tersebut,” katanya pada sidang media di pejabatnya semalam.

Kon Yeow berkata, jawatankuasa yang dipengerusikan Exco Pertanian dan Kesihatan, Dr Afif Bahardin dijangka mengadakan mesyuarat dengan PenMutiar untuk rundingan semua cadangan tuntutan dikemuka.

“Mesyuarat itu dijangka diadakan pada September ini kerana kita perlu masa untuk buat perediaan dalam mengkaji pilihan tuntutan yang diberikan.

“Untuk makluman, tiada sebuah rumah atau kampung yang terlibat dalam projek ini kerana ia dijalankan di laut,” katanya.

Beliau berkata, kerajaan negeri akan pastikan kehidupan nelayan tidak terjejas dengan pelaksanaan projek itu.

“Ia termaktub dalam 18 syarat diberi Majlis Perancangan Fiskal Negara (MPFN) yang dipengerusikan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad April lalu,” katanya.

Kon Yeow berkata, kerajaan negeri bersedia memberi penjelasan kepada mana-mana pihak berhubung projek itu.

Kelmarin, satu himpunan menolak projek PSR di Pulau Pinang diadakan di sekitar Tugu Negara, Kuala Lumpur yang turut dihadiri Koordinator Forum Pulau Pinang, Khoo Salma Nasution.